

## **Felda timbang tawaran buka ladang di Kemboja**

**Malaysiakini.com**

**November 2, 2011**

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) , yang mempunyai dua ladang di Indonesia, kini sedang mempertimbangkan tawaran untuk membuka ladang di Kemboja pula.

Pengerusinya, Tan Sri Isa Samad berkata pihaknya kini sedang di dalam perbincangan dengan pihak berkenaan di Kemboja, selepas mendapat tawaran untuk membuka ladang seluas 400,000 ekar di negara itu.

Bercakap kepada Bernama di Yangon, beliau berkata Felda telah diberikan dokumen dan butir-butir yang diperlukan dan selain kajian yang dilakukan oleh organisasi-organisasi Malaysia, untuk dipertimbangkan.

"Saya percaya kita akan melihat tawaran itu (kerana) ia satu peluang yang baik," katanya.

Di samping itu, beliau berkata Perdana Menteri Komboja Hun Sen yang melawat Malaysia satu masa dahulu, juga telah memaklumkan cadangan supaya Felda membuka ladang di negara itu dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, Felda akan melihat kesesuaian tanaman yang boleh diusahakan, iaitu sama ada sawit atau tanaman lain.

Salah satu daripada ladang Felda di Indonesia diusahakan secara bersama dengan Lembaga Tabung Haji manakala satu lagi diusahakan dengan syarikat tempatan.

Selain itu, beliau berkata Felda juga sedang berusaha untuk meningkatkan jualan produk keluarannya ke seluruh dunia.

"Sebagai contoh, kita telah mempunyai kilang di Turki bagi menembusi pasaran di negara-negara di Eropah Timur," katanya, sambil menyatakan Felda juga sedang melakukan usaha yang sama di Afrika bagi membuka pasaran di benua itu.

Beliau tidak menjelaskan lebih lanjut usaha itu.

Ini bertujuan menambah bilangan pasaran produk keluarannya yang kini telah menembusi pasaran 13 buah negara di seluruh dunia, katanya.

Secara keseluruhannya, beliau berkata Felda mencatatkan jualan kira-kira RM16 bilion setahun melalui pengeksporan kira-kira 3.0 juta tan metrik minyak sawit ke seluruh dunia.

Sehubungan itu, katanya pencapaian itu menolak tohmahan sesetengah pihak di Malaysia yang mendakwa organisasi itu kini sudah mufliis.

Beliau berkata beliau berada di sini (Myanmar ) bagi menghadiri pameran produk keluaran Felda selama dua hari yang bermula hari ini.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/180283>